

**Parlimen: Terma Rujukan Suruhanjaya Siasatan Diraja PATI Di Peringkat Akhir
Bernama
18 Jun, 2012**

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Terma rujukan Suruhanjaya Siasatan Diraja berhubung masalah pendatang asing tanpa izin (PATI) di Sabah kini di peringkat akhir penggubalan, kata Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Lee Chee Leong.

Beliau berkata terma itu tidak boleh dibuat terburu-buru dan perlu dilakukan secara menyeluruh termasuk dakwaan isu pemberian kewarganegaraan kepada pati.

Lee juga berkata anggota suruhanjaya akan dipilih di kalangan mereka yang berpengalaman luas dan mempunyai kefahaman mendalam berhubung masalah pati di Sabah.

"Langkah itu untuk memastikan siasatan dibuat dengan menyeluruh dan syor yang dikemukakan dapat dilaksanakan dengan berkesan.

"Oleh itu, tidak timbul bahawa penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja ini sebagai gimik pilihan raya," katanya ketika menggulung ucapan penangguhan Datuk Chua Soon Bui (Bebas-Tawau) mengenai suruhanjaya itu di Sabah bagi pihak Perdana Menteri pada persidangan Dewan Rakyat Isnin.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=673927>